

MIC mahu pengedar samsu gelap digantung

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perhimpunan Agung MIC dijangka meluluskan satu usul supaya Kerajaan mengenakan hukuman mati ke atas pengedar dan pembuat samsu gelap.

Ini salah satu resolusi dalam perhimpunan agung parti itu selama dua hari di Pulau Pinang mulai 3 Oktober depan.

Seorang jurucakap MIC memberitahu, usul ini dikemukakan memandangkan ramai orang terutama kaum India telah terkorban akibat meminum samsu gelap.

Katanya, perbuatan ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja dan langkah-langkah tegas perlu diambil.

Resolusi lain termasuk menyeru supaya skim perumahan lebih baik untuk pekerja ladang dan meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi rakyat Malaysia keturunan India.

Tenteram

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan perhimpunan itu.

Pemerhati politik berpendapat, perhimpunan agung MIC kali ini akan berjalan lancar dan teratur memandangkan jawatan yang sensitif, Timbalan Presiden telah dimenangi oleh Senator S. Subramaniam tanpa bertanding.

Yang ditandingi hanyalah jawatan Naib Presiden dan tiga ahli jawatankuasa pusat.

Bagi jawatan Naib Presiden mereka yang dijangka mempunyai harapan besar untuk dimenangi ialah Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K. Pathmanaban, Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Encik V. Govindaraj dan juga Datuk G. Pasamanickam.